KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Jaga keselamatan petugas Perhilitan, Orang Asli

Senoi Praaq bantu jejak harimau belang

Kosmo 21.1.2022_17


3 harimau belang muncul di Pos Bihai

KERATAN *Kosmo!* 14 Januari 2022.

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seramai 21 anggota Senoi Praaq, Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) Bidor, Perak tiba di sini bagi membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dalam Ops Harimau di Pos Bihai dan Pos Balar di sini.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo berkata, sebanyak tujuh kenderaan pacuan empat roda digunakan bagi menghantar kumpulan pertama Senoi Praaq melibatkan 15 orang bermula kelmarin, manakala enam lagi tiba semalam.

Katanya, anggota Senoi Praaq itu akan bertugas di kedua-dua kawasan itu selama tiga minggu bagi menjaga keselamatan petugas Perhilitan dalam operasi menjejak pak belang yang masih bebas berkeliaran.


"Skop tugasan mereka lebih kepada untuk menjaga keselamatan petugas Perhilitan dan penduduk di sekitar kawasan operasi," katanya selepas memberi taklimat kepada anggota Senoi Praaq di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis di sini semalam.

Menurutnya, keluarga Orang Asli di Pos Bihai dan Pos Balar yang berdepan ancaman harimau dinasihatkan supaya berhati-hati ketika berada di luar rumah.

Katanya, setiap pergerakan penduduk perlu dalam berkumpulan jika mahu bergerak dari satu tempat ke tempat lain.

Akhbar sebelum ini melaporkan, jangkitan virus *canine distemper* adalah antara punca kejadian harimau belang berkeliaran di perkampungan Orang Asli Pos Bihai baru-baru ini.

Pengarah Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar Malaysia, Dr. Mark Rayan Darmaraj dilaporkan berkata, sebarang jangkitan penyakit atau kecederaan terhadap seekor harimau boleh menyebabkan binatang buas itu merayau di luar habitat semula jadi.



CHOON FOO (dua dari kanan) memberi taklimat kepada anggota Senoi Praaq yang terlibat dalam Ops Harimau di RPS Kuala Betis, Gua Musang semalam.